

## Pemikiran Za'ba dalam Membentuk Jati Diri Melayu

SITI ZAMRAH ISA & CHE IBRAHIM HJ SALLEH

### ABSTRAK

*Zainal Abidin bin Ahmad (16 September 1895 – 23 Oktober 1973) atau lebih dikenali sebagai Pendeta Za'ba merupakan satu nama besar dalam ilmu persuratan Melayu. Sumbangan beliau sangat besar khususnya dalam bidang bahasa. Beliau juga banyak menulis berkaitan pelbagai isu masyarakat Melayu dalam bidang ekonomi, politik, sastera, agama dan pendidikan. Oleh itu, makalah ini cuba mengupas pemikiran Za'ba dalam bidang bahasa, agama dan pendidikan dalam membentuk jati diri sebenar orang Melayu. Idea dan pemikirannya dalam bidang tersebut berkait rapat dengan sikap orang-orang Melayu pada masa itu. Hal ini menjadikan Za'ba seorang pemikir yang sangat hebat dan unik kerana pemikirannya itu melangkaui zaman dan masih relevan sehingga ke hari ini.*

*Kata kunci:* pemikiran, jati diri, Melayu, bahasa, pendidikan, agama

### ABSTRACT

*Zainal Abidin bin Ahmad (16 September 1895- 23 October 1973), better known as the Pendeta Za'ba is a big name in the Malay literary knowledge. His contribution is vast, especially in the field of language. He has written extensively on various issues of the Malays community in the fields of economics, politics, literature, religion and education. Therefore, this paper discusses Za'ba's thought in terms of language, religion and education in shaping the identity of the true Malays. His ideas related to the attitude of the Malays during that time. This makes Za'ba a great thinker and unique because his thought goes beyond time and still relevant till today.*


*Key words:* thinking, self-esteem, Malay, language, education, religion

### PENGENALAN

Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba ialah sarjana dan ahli fikir Melayu yang terulung. Secara sepintas lalu Za'ba ketika hidupnya menulis berkenaan dengan berbagai-bagai tajuk iaitu bahasa, kesasteraan dan kebudayaan Melayu, agama, serta etika dan ekonomi orang Melayu. Namun demikian, perhatian dan minat beliau lebih besar dalam bidang bahasa lantas mendorong kesungguhan beliau dalam perjuangan memartabatkan bahasa Melayu, iaitu memperluas dan mengekalkan darjat bahasa Melayu di mata masyarakat yang diperkuuhkan oleh kesedaran serta keyakinan mendalam. Za'ba dikenali, disanjung dan dikenang sebagai pejuang bangsa, ilmuwan pendidikan dan bahasa, tokoh agama dan politik. Za'ba merupakan tokoh intelektual ulung Melayu dalam pembinaan kemajuan pemikiran bangsa dan pembangunan dan pencetus kesedaran politik negara. Bahkan beliau ialah seorang pemikir Melayu dan tokoh reformis yang mempunyai sumbangan yang besar dalam perkembangan dan pembangunan orang

Melayu (Haron Daud 1995). Penulisan ini akan cuba mengupas dan memahami pemikiran Za'ba dalam membina jati diri orang Melayu serta menghuraikan pemikiran Za'ba dalam bidang-bidang tertentu untuk membentuk jati diri orang Melayu.

Penulisan ini hanya membataskan pemikiran Za'ba dalam aspek bahasa, agama dan pendidikan walaupun Za'ba itu juga dikenali sebagai tokoh patriotik, ekonomi dan juga falsafah. Namun begitu, penulis juga berpendapat jati diri hanya dapat dibina dengan jaya dan sempurna hanya apabila ada perubahan sikap masyarakat itu sendiri. Maka pengkaji berpendapat wajar jua aspek sikap orang Melayu pada masa itu menurut pandangan Za'ba dimasukkan dalam perbincangan ini. Batasan kajian ini dapat dilihat berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1. Aspek pemikiran Za'ba dalam pembinaan jati diri Melayu

## KONSEP PEMIKIRAN DAN JATI DIRI

Terdapat pelbagai tafsiran tentang maksud pemikiran. Menurut Asmah Hj Omar (1986) pemikiran atau proses berfikir itu merujuk kepada kegiatan-kegiatan yang berlaku dalam otak kita apabila menghadapi sesuatu keadaan dan hasil dari pemikiran itu adalah fikiran. Kamus Dewan edisi ke-4 pula mendefinisikan pemikiran sebagai perihal berfikir iaitu memikirkan sesuatu. Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2000) mengambil pendapat Dewey (1933) iaitu pemikiran sebagai perilaku menyelesaikan masalah. Menurut Ainon lagi, konsep Dewey tentang pemikiran menekankan kemungkinan manusia mula berfikir sebagai daya usaha untuk menyesuaikan diri kepada persekitaran yang sukar. Maka, terdapat pelbagai aliran pemikiran seperti pemikiran analitikal, kritikal, reaktif, projektif, kreatif dan banyak lagi.

Jati diri pula menurut Kamus Dewan edisi ke-4 sifat atau ciri unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa dan budaya atau agama) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Konsep jati diri ini juga boleh dilihat dalam pelbagai dimensi seperti adat-istiadat, budaya, pendidikan dan ilmu. Oleh itu secara umumnya kajian ini dapat diterjemahkan sebagai idea dan fikiran Za'ba dalam pembinaan atau membangunkan ciri-ciri unik dan istimewa sesuatu bangsa iaitu fokus kepada bangsa Melayu melalui bahasanya iaitu bahasa

Melayu dan agamanya iaitu Islam dan juga bidang pendidikan yang seharusnya menjadi platform untuk memajukan diri melalui pemikirannya yang analitikal, kritikal dan nilai. Dengan itu, jati diri yang dimaksudkan itu dilihat pembinaannya melalui penggunaan bahasa ibunda dan pengamalan ajaran Islam yang sebenar seperti yang dikehendaki oleh syariah serta kemantapan ilmu pengetahuan yang boleh didapati melalui pendidikan.

Namun begitu, semua ini hanya boleh dicapai sekiranya ada perubahan sikap dalam masyarakat itu sendiri. Idea dan pemikiran Za'ba dalam membina jati diri orang Melayu dalam bidang yang telah dinyatakan tadi amat relevan untuk masyarakat pada ketika itu bahkan sehingga ke hari ini. Maka, ada kalanya akan keluarlah kata-kata “tiada jati diri” jika ada orang Melayu yang agak canggung berbahasa Melayu di khalayak ramai terutamanya di Malaysia. Semua ini menunjukkan bagaimana jati diri Melayu itu terbina atas dasar bahasa, agama dan budaya serta ilmu pendidikan yang melingkari masyarakat pada masa kini. Oleh itu, pemikiran Za'ba dalam membentuk jati diri Melayu itu cuba diperhalusi oleh penulis dan mengapa idea Za'ba itu ada kalanya bertentangan dengan kehidupan masyarakat pada masa itu.

## PANDANGAN ZA'BA TERHADAP SIKAP BANGSA MELAYU

### Kemiskinan dan Kemunduran Orang Melayu

Za'ba mempunyai pandangan yang agak kritis terhadap kehidupan bangsa Melayu pada masa itu. Beliau menyifatkan kehidupan orang Melayu itu serba kekurangan iaitu miskin dan mundur. Pandangan ini dirincikan lagi dengan serba kemiskinan iaitu dalam sikap atau perangai atau kelakuan. Seterusnya kemiskinan pengetahuan iaitu ilmu dan pengetahuan untuk meningkatkan darjah kehidupan. Za'ba juga mendapati orang Melayu miskin cita-cita untuk membentuk masa depan yang sempurna dan , miskin yang paling besar ialah miskin agama yang disifatkan oleh Za'ba orang Melayu telah banyak menyimpang daripada ajaran-ajaran asal yang bersih dan hening yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w kerana diseliputi oleh kepercayaan tradisional dan bidaah. Akhir sekali ialah miskin harta benda akibat sikap malas berbanding orang Cina dan orang India.

## Sebab kemiskinan orang Melayu

Za'ba dengan kritis dan tegasnya berani mengemukakan idea tanpa menghiraukan kedudukan golongan yang dikritiknya (Adnan Hj Nawang 1994). Walaupun nadanya agak tegas dan keras tetapi pandangan yang dibuat itu mungkin dipengaruhi oleh darah muda yang mengalir dalam dirinya dewasa itu. Za'ba melihat hal kemiskinan orang Melayu berpunca daripada pelbagai faktor iaitu:

1. faktor pemerintahan feudal iaitu sistem pemerintahan raja-raja Melayu yang tidak memberi faedah kepada orang Melayu sendiri bahkan memberi banyak kesusahan kepada orang Melayu kerana sikap raja-raja yang boros dan suka menyusahkan rakyat pada masa itu.
2. faktor geografi iaitu keadaan muka bumi Tanah Melayu yang subur dan iklim yang sesuai menyebabkan sumber makanan senang didapatkan, jadi orang Melayu tidak perlu bersusah-payah mencarinya.
3. faktor orang Melayu itu sendiri yang masih mengharapkan sokongan dan bantuan orang lain khususnya kerajaan untuk melakukan sesuatu dan tidak seperti bangsa lain yang berusaha atas kebolehan diri sendiri.
4. sikap golongan muda yang sering membuang masa dan leka dengan keduniaan tanpa memikirkan masa depan.
5. golongan tua yang terpesong akidah dengan kepercayaan bodoh dan ketakutan terhadap makhluk halus seperti hantu, syaitan dan jin.

## Usaha mengatasi kemiskinan

Atas dasar keprihatinan dan keinsafan Za'ba terhadap masalah bangsa Melayu pada ketika itu, Za'ba menyatakan jalan penyelesaiannya untuk mengatasi masalah ini agar tidak menjadi parah sehingga boleh menjelaskan pembangunan masyarakat sejagat. Hal ini membuktikan bahawa pemikiran Za'ba telah melangkaui masanya.

Namun idea yang diberikan itu sesuai diguna pakai bukan pada masa itu sahaja bahkan pada masa sekarang. Apa-apa jua kritikan terhadap bangsa Melayu kira-kira 70 tahun yang lalu sebenarnya tidak berubah sehingga sekarang, namun masyarakat Melayu khususnya sekarang ini tidak pernah ambil peduli tentang pandangan ini.

Antara pandangannya untuk mengatasi kemiskinan ini ialah;

1. Orang Melayu haruslah mempunyai kesedaran dalam diri dan mengubah sikap iaitu hendaklah yakin dan bergantung pada diri sendiri dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Hal ini ada dinyatakan oleh Zainal Abidin Ahmad (1982) “tiap-tiap seorang hendaklah menjalankan bahagiannya sendiri dengan tidak bergantung kepada orang akan menjalankannya, tidak berharap kepada pertolongan orang akan menyempurnakannya”. Sikap beginilah yang akan membawa kepada ketinggian umat dan kemajuannya.
2. Orang Melayu hendaklah menukarkan segala bentuk dan corak dan pemikiran kuno dan kolot kepada fikiran baru yang segar dan bersendikan Al-Quran, akal dan ilmu pengetahuan. Za'ba menegaskan bahawa orang Melayu khususnya umat Islam harus kembali kepada ajaran agama yang sebenar iaitu Islam dalam melaksanakan apa jua tindakan seperti yang diungkapkan dalam bukunya “Mencapai Keluhuran Budi” (1989) iaitu “tujuan agama ialah supaya manusia berkelakuan baik dan menjalankan kehidupan yang betul; kemudian maka daripada kehidupan berhasillah buahnya, iaitu keredaan dan nikmat selamat”.
3. Umat Islam haruslah memberatkan ilmu pengetahuan iaitu menguasai pelbagai cabang ilmu untuk maju dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perniagaan dan pentadbiran supaya dapat menandingi bangsa lain yang maju.
4. Orang Melayu hendaklah mempunyai sifat baik seperti berhemah tinggi, tulus hati, amanah dan kesungguhan cita-cita. Jadi hal ini juga tidak boleh lari daripada nilai beragama untuk mencapai tahap kemajuan yang sepatutnya dan selari dengan tuntutan agama.

## Perubahan Sikap Bangsa Melayu Terhadap Pembinaan Jati Diri

Berdasarkan permasalahan yang telah dinyatakan oleh Za'ba tentang masalah orang Melayu pada masa itu, kemiskinan orang Melayu yang dilihatnya pada awal hingga pertengahan abad ke-20 adalah disebabkan oleh orang Melayu sendiri (Haron Daud 1995). Penyakit ini harus diubati sendiri oleh orang Melayu untuk mencapai kesempurnaan hidup berlandaskan agama. Oleh itu, jati diri dalam masyarakat Melayu dilihat hanya boleh dicapai apabila masalah berkaitan sikap dapat diubah. Bahkan dalam Al-Quran ada menyatakan bahawa nasib sesuatu kaum itu tidak akan berubah melainkan kaum itu sendiri mengubahnya.

Pemikiran Za'ba terhadap pembinaan jati diri orang Melayu ini amat jelas iaitu selagi orang Melayu sama ada pemerintah atau rakyat jelata sekalipun tidak mengubah sikap yang negatif seperti boros, bakhil, tidak sedar keupayaan diri, percayakan tahuyl dan keramat yang boleh menghalang kemajuan, maka perubahan dalam diri tidak akan berlaku. Orang Melayu seharusnya tidak berseronok-seronok dengan apa-apa yang ada terbentang di hadapan mereka. Pembinaan jati diri yang unggul hanya dapat dicipta apabila wujudnya sikap positif seperti kekuatan iman, yakin, amanah berusaha menjalankan kewajipan dan tidak melupakan agama yang menjadi benteng kukuh terhadap jati diri. Hal ini barulah bersesuaian dengan takrifan Melayu itu sendiri yang tidak boleh dipisahkan dengan agamanya iaitu Islam. Za'ba telah memberi jalan keluar terhadap permasalahan yang dihadapi oleh orang Melayu pada masa itu dan sesuai diguna pakai untuk orang Melayu pada masa ini sekalipun. Oleh itu, Za'ba berpendapat bahawa masyarakat Melayu mesti mengubah beberapa sifat dan tingkah laku mereka daripada yang negatif kepada yang baik dan terpuji (Adnan Hj Nawang 1994). Seharusnya orang Melayu khususnya melihat kritikan Za'ba terhadap sikap orang Melayu pada masa itu dan kerelevannya untuk kehidupan masa kini. Sesungguhnya kemiskinan sikap positif dalam melakukan sesuatu perkara adalah faktor utama kegagalan untuk memulakan sesuatu yang boleh mengubah nasib diri dan bangsa Melayu hari ini.

## PEMIKIRAN ZA'BA TERHADAP AGAMA ISLAM

### Aliran Pemikiran Za'ba dalam Agama

Aliran pemikiran orang Melayu sekitar tahun 1920an diwarnai oleh tiga aliran utama iaitu konservatif, reformis dan sekular. Za'ba merupakan salah seorang tokoh Melayu yang terkenal dalam pemikiran pembaharuan (Islah atau reformasi) Islam (Wan Zailan Kamarudin 2009). Hal ini disebabkan oleh pengaruh gurunya iaitu Syaikh Muhamad Tahir Jalal al-Din al-Falaki yang merupakan salah seorang tokoh ulama yang terpengaruh dengan aliran pemikiran golongan reformis Mesir seperti Muhamad Abdur (1905) dan Muhamad Rasyid Rida (1935). Tambahan pula sejak kecil bapanya telah menekankan pendidikan agama terutamanya dalam pelajaran membaca Muqqadam dan Al-Quran sejak usianya 5 tahun, kesannya dia telah khatam Al-

Quran pada usianya 7 tahun. Za'ba juga belajar agama di Masjid Linggi pada waktu petang ketika usianya 12 tahun kerana bapanya menginginkan Za'ba menjadi seorang ulama. Di sini, Za'ba belajar banyak perkara seperti ilmu bahasa Arab, qasidah, usuluddin dan feqah daripada salah seorang guru yang amat terkenal iaitu Hj Mohamad Said. Hal ini menjadikan Za'ba mahir dalam kedua-dua bidang iaitu agama dan pendidikan sekular. Apabila dewasa, Za'ba sering mengikuti perkembangan agama yang sering berkembang pada masa itu khususnya dari Timur Tengah dan ini menjadikannya antara tokoh agama dari kalangan Kaum Muda yang menekankan perubahan dari segi sikap. Jadi penglibatannya dalam bidang agama ini bukanlah untuk menunjukkan diri cenderung untuk menjadi ulama tetapi untuk hanya masuk mengganggu di kawasan mereka kerana sehingga kini tiada sesiapa pun di antara mereka yang tampil ke hadapan untuk memberikan perhatian dan berfikir mengenai selok-belok dan perjalanan agama orang Melayu di Malaysia ini (Wan Zailan Kamarudin Wan Ali 2009).

### Pandangan Za'ba tentang agama

Pemikiran Za'ba terhadap keperluan agama kepada manusia sangat jelas. Oleh itu, pembaharuan atau *islah* yang diperkenalkan olehnya adalah bertujuan untuk membetulkan segala kekurangan atau kelemahan yang ada, menukar segala kekotolan fikiran dengan pemikiran yang lebih ideal yang bersaksikan kebenaran dengan Al-Quran dan bersendikan akal dan ilmu pengetahuan. Za'ba merupakan tokoh Islam yang mempelopori reformasi dalam Islam dan juga membawa kepada pembaharuan dalam pemikiran orang Melayu. Usahanya bukan sahaja berkisar kepada pembaharuan dalam soal agama dan amalan orang Melayu tetapi juga melibatkan perubahan dalam aspek kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu wajarlah dikatakan Za'ba antara tokoh yang mempelopori fahaman reformis yang membawa perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan orang Melayu. Aliran pemikiran reformis yang bertujuan untuk membaiki cara berfikir dalam kehidupan umat Islam. Aliran ini menyeru orang Melayu untuk keluar dari belenggu kemiskinan dan kemunduran dengan mendekati ilmu-ilmu yang bersifat akliah terutamanya ilmu-ilmu yang bersifat saintifik. Za'ba berpendapat pengetahuan manusia perlu dihasilkan melalui kaedah-kaedah saintifik. Lantaran itu untuk mencapai kemajuan, orang Melayu perlu menerima dan menguasai sains Barat dan pemikiran

ini harus digabung jalin aspek agama tanpa mengenepikannya berdasarkan penggunaan akal dan menekan unsur rasional.

Za'ba jelas menolak aliran pandangan Kaum Tua iaitu aliran konservatif yang hanya menerima segala takdir tanpa berusaha untuk mengubah takdir. Menurut Zainal Abidin Ahmad (1982), cara beragama yang salah telah melemahkan bangsa Melayu. Sikap enggan menilai semula apa yang menjadi kebiasaan yang kadangkala dikaitkan dengan agama membentuk nilai diri yang enggan berubah dan lemah. Antara kata-kata Za'ba ialah "Tuhan selalu mencela keras akan orang-orang yang hanya mengikut dengan buta tuli sahaja apa yang dikatakan orang atau apa yang biasa dibuat orang. Sikap bertaklid buta dalam pelbagai perkara terutama hal agama melambatkan proses pembangunan minda. Maka tidak hairan jika minda agama kita tidak mampu bersaing dengan pembangunan fizikal yang dibuat. Pemikiran Za'ba ini seolah-olah menongkah arus pada masa itu yakni berlawanan dengan pemikiran ulama pada masa itu, tetapi Za'ba berasaskan bahawa menyerah secara bulat-bulat kepada takdir akan apa-apa yang terjadi kepada kehidupan masyarakat sebenarnya lebih besar kesalahannya kerana tidak menggalakkan manusia untuk berubah dan membentuk keperibadian mulia dan sudah pastinya jati diri unggul yang seharusnya diterapkan melalui amalan agama yang betul tidak akan terbentuk dengan jayanya.

### **Pembinaan Jati Diri dalam Agama**

Orang Melayu menurut perlumbagaan Malaysia ditakrifkan sebagai orang yang lazimnya menggunakan bahasa Melayu, hidup cara Melayu dan beragama Islam. Oleh itu sebarang tindakan dan perlakuan haruslah menurut ajaran Islam yang sebenarnya. Hal inilah yang menjadikan ciri-ciri istimewa kaum Melayu di Malaysia. Oleh itu Islam dan Melayu itu tidak boleh dipisahkan kerana inilah asas sebenarnya pembinaan jati diri orang Melayu. Menurut Za'ba lagi, pemikiran yang berdasarkan taklid buta haruslah diketepikan. Sikap bertaklid buta dalam pelbagai perkara terutama hal agama melambatkan proses pembangunan minda. Maka tidak hairan jika minda agama kita tidak mampu bersaing dengan pembangunan fizikal yang dibuat. Pembinaan jati diri yang sempurna haruslah juga berpaksikan pegangan agama yang kukuh yang bersendikan Al-Quran dan As-Sunnah dan diselarikan dengan pembangunan fizikal. Jelaslah di sini bahawa pemikiran Za'ba terhadap pembinaan

jati diri orang Melayu berasaskan agama adalah bersifat rasional iaitu mencari masalah yang membelenggu minda orang Melayu dan menyatakan beberapa saranan yang sesuai sebagai jalan penyelesaiannya. Pemikiran Za'ba yang bersifat kritikal berdasarkan perkara yang dilihat pada masyarakat Melayu pada masa itu adalah bersifat praktikal untuk diguna pakai sehingga ke hari ini. Walaupun pemikiran progresif Za'ba pada masa itu ibarat melawan arus perdana zaman dan ketika itu, namun pemikirannya itu sebenarnya menjadi suis menyedarkan orang-orang Melayu pada zaman itu dan boleh diaplikasi juga sehingga ke hari ini agar tanggapan terhadap Islam perlu diperbetulkan khususnya berkenaan konsep syariah, akidah dan bidaah. Secara tidak langsung, jika amalan ini diperbetulkan, konsep jati diri orang Melayu dapat dibina dan selari serta setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini. Pemikiran Za'ba sememangnya melangkaui zamannya walaupun apa yang diutarakan itu menjadikannya tidak popular dalam kalangan ulama pada masa itu tetapi seharusnya pemikirannya ini diambil perhatian sehingga ke hari ini kerana masyarakat Islam khususnya di dunia sekarang agak ketinggalan berbanding masyarakat bukan Islam pada masa ini.

### **PEMIKIRAN ZA'BA TERHADAP BAHASA**

#### **Sejarah Penglibatan**

Bidang bahasa merupakan bidang yang membuatkan Za'ba terkenal sehingga dianugerahi gelaran Pendeta pada tahun 1956 di Universiti Malaya, Singapura. Beliau tidak mendapat pendidikan khusus dalam pengajian berkaitan bahasa tetapi ulasan dan pandangannya berkaitan bahasa Melayu pada ketika itu adalah hasil daripada tanggapannya terhadap bahasa Melayu yang menjadi darah daging orang Melayu khususnya. Penglibatan dalam bidang bahasa Melayu bermula apabila beliau memulakan kerjaya dalam bidang pendidikan iaitu sebagai guru pada tahun 1915 dan di sinilah bermulanya penulisan beliau terhadap kelemahan bahasa Melayu dan cara untuk membaikinya.

#### **Usaha-usaha untuk meningkatkan martabat bahasa Melayu**

Za'ba meletakkan bahasa di tempat kedua selepas agama Islam sebagai identiti orang Melayu (Adnan Nawang 2007). Hal ini kerana Za'ba melihat bahasa

terutamanya bahasa Melayu mempunyai kepentingan dan peranannya tersendiri dan menjadi tunjang utama dalam kerangka pemikiran reformis Za'ba. Hal ini menurut Za'ba seperti yang ditulis oleh Adnan Nawang (1994), menyatakan bahawa bahasa Melayu itu adalah lidah bangsa kepada Melayu yang tersimpan roh dan semangat kebangsaan dan kebudayaan bahkan sudah menjadi pusaka nenek moyang kita dari dahulu kala. Hal ini menunjukkan bahawa jati diri bangsa Melayu itu menurut Za'ba selain daripada agama Islam, turut sama adalah bahasanya juga. Pemikiran Za'ba ini sangat jelas untuk menunjukkan bahawa sekiranya bahasa Melayu diperlekeh akan menyebabkan jati diri bangsa Melayu itu turut lenyap.

Za'ba jelas berpendirian bahawa bahasa adalah "alat mengeluarkan fikiran". Perkaitan di antara kedua-duanya itu sangat erat, dalam erti kata bahasa yang digunakan itu hendaklah dengan tepat menggambarkan fikiran. Katanya:

Bahasa itu alat mengeluarkan fikiran supaya dapat diketahui orang dengan mendengar atau membacanya. Maka jika bahasa yang dipakai itu tidak menepati betul-betul seperti maksud yang di dalam hati, tentulah orang tersalah faham atau tiada dapat oleh mereka tujuan yang dikehendakkan itu.

(Bab Permulaan, Ceraian 4)

Hal ini bermaksud dengan menggunakan bahasa yang betul dan teratur, gagasan idea dan pemikiran dapat disampaikan dengan tepat dan jelas. Perkara ini perlu agar tujuan dan objektif serta buah fikiran yang ingin disampaikan itu dapat difahami oleh orang yang mendengarnya.

Antara gagasan idea yang sangat berharga Za'ba dalam menyampaikan pemikirannya terhadap bahasa Melayu ialah buku Pelita Bahasa Melayu Penggal I (1940), Daftar Ejaan Melayu (Jawi dan Rumi, 1941) dan Pelita Bahasa Melayu Penggal II dan III (1947) dan Ilmu Mengarang Melayu (1934). Buku Pelita Bahasa Melayu sebagai buku teks sehingga dalam sistem pendidikan Melayu dan menjadi *magnum opus* yang menjadi teras tatabahasa Melayu sehingga kini. Betapa hebatnya pemikiran Za'ba terhadap bahasa Melayu itu sendiri walaupun sebenarnya Za'ba tidak mendapat pendidikan khusus dalam bidang bahasa atau linguistik. Tetapi demi kecintaannya atau tebalnya jati diri Za'ba ini terhadap bahasa Melayu, maka Za'ba memikirkan bahawa perlu ada buku yang digunakan untuk belajar bahasa Melayu secara sistematis. Secara tidak langsung bahasa Melayu

akan dihormati oleh bangsa lain kerana ketinggian bahasanya. Pemikiran Za'ba terhadap bahasa Melayu pada zaman itu juga disampaikan dalam bentuk tulisan rencana dalam akhbar terkenal seperti *Lembaga Melayu, Utusan Melayu*. Perjuangan Za'ba meningkatkan martabat bahasa Melayu itu seharusnya dihargai dengan sewajarnya kerana daripada idea dan pemikirannya yang agak emosional terhadap nasib bahasa Melayu itu sendiri, mendorong beliau melakukan pelbagai cara untuk mengelakkan kemunduran bahasa Melayu di bumi sendiri.

Akhir sekali, usaha mendaulatkan bahasa Melayu di tanah air sendiri sememangnya menjadi gagasan terbesar pemikiran Za'ba iaitu untuk menjadikannya sebagai bahasa kebangsaan. Hal ini adalah manifestasi perjuangan pemikiran Za'ba dalam memartabatkan bahasa Melayu sama seperti zaman kegemilangan Melayu Melaka apabila bahasa Melayu menjadi *lingua franca* pada masa itu. Isu bahasa adalah isu maruah bangsa dan tidak seharusnya dipandang mudah, jadi nilai jati diri orang Melayu hanya akan dipandang tinggi jika dapat menguasai bahasa Melayu sebaik-baiknya.

### Pembinaan jati diri dalam Bahasa Melayu

Pemikiran Za'ba terhadap nasib bahasa Melayu mempunyai rasionalnya tersendiri. Pertama, bahasa Melayu dipandang rendah oleh pihak penjajah pada masa pemerintahan British. Jadi, beliau berusaha untuk memajukan dan membina bahasa Melayu agar dipandang tinggi dengan memberi saranan kepada cerdik pandai Melayu supaya martabat bahasa Melayu dapat ditingkatkan dengan cara menulis dalam akhbar, menerbitkan buku ilmu bahasa dan juga kamus berkaitan bahasa Melayu. Dengan cara begini, martabat bahasa Melayu dapat ditingkatkan jika ditulis sendiri oleh anak bangsa Melayu dan perkara itu hanya akan menjadi kenyataan jika dilaksanakan dalam pendidikan. Pemikiran Za'ba terhadap nasib bahasa Melayu juga ketara apabila beliau mencadangkan agar bahasa Melayu itu diperingkatkan ke peringkat yang lebih tinggi. Semua ini menjelaskan bahawa pemikiran Za'ba memang jauh ke depan untuk melihat pusaka bangsa warisan orang Melayu ini tidak terkubur sebagaimana nasib bangsa Melayu di Cape Town kerana tiada usaha untuk menyelamatkan bahasa Melayu dan bangsa Melayu (Adnan Hj Nawang 2007).

Kedua, pemikiran Za'ba terhadap bahasa Melayu juga didorong oleh keadaan Tanah Melayu pada masa itu didatangi oleh banyak orang asing

seperti orang Cina dan India, jadi beliau melihat bahasa Melayu itu harus dipertahankan kerana bahasa Melayu adalah bahasa pribumi. Jadi dalam pemikirannya sekarang adalah untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan walaupun Tanah Melayu ketika itu belum lagi merdeka kerana baginya bahasa Melayu adalah berkaitan dengan maruah. Sudah pasti dalam keadaan Tanah Melayu yang dijajah dari segi ekonominya, Za'ba tidak mahu bahasa Melayu turut menerima nasib yang sama. Bagi Za'ba bahasa menunjukkan jati diri sesuatu bangsa. Oleh itu seharusnya, bahasa Melayu menjadi wadah atau medium komunikasi paling mudah dalam kalangan rakyat kerana bahasa Melayu merupakan bahasa tulen, bahasa yang sudah sedia menjadi bahasa perantaraan yang mudah dan telah diterima sejak berabad-abad yang lalu, serta sentiasa hidup dan berkembang mengikut zaman (Adnan Hj Nawang 1994). Hal ini telah terbukti akan perkembangan bahasa Melayu yang melalui sejarah yang sangat panjang dalam peradaban dan ketamadunan Melayu.

Pemikiran Za'ba dalam pembinaan jati diri melalui aspek bahasa sangat berharga. Hanya melalui bahasa Melayu menjadi teras jati diri Melayu dalam konteks masyarakat Melayu di Malaysia kini selain dari agama Islam. Tambahan pula, jati diri sesebuah bangsa juga dinilai daripada kekuatan bahasanya (Nik Rosila Nik Yaacob 2009). Apa yang dilihat sekarang ini dasar pendidikan yang mementingkan penguasaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik satu ketika dahulu sedikit sebanyak mencalarkan kedaulatan bahasa Melayu yang sebenarnya boleh menipiskan semangat jati diri orang Melayu sendiri. Perkara inilah yang dibimbangkan oleh Za'ba dahulu. Sudahlah terrajah dari aspek fizikal, terbelenggu juga dari aspek mental walaupun kita telah 58 tahun merdeka.

## PEMIKIRAN ZA'BA TERHADAP PENDIDIKAN

### Sejarah Penglibatan

Penglibatan Za'ba dalam bidang pendidikan hanya bermula ketika usianya 21 tahun. Beliau memulakan kerjayanya sebagai guru sementara di sekolah lamanya iaitu sekolah St. Paul, Seremban selepas tamat persekolahan kemudian beliau menjadi guru sementara pula di kampungnya di Batu Kikir. Kemudian Za'ba memohon untuk menjadi guru di Johor Bahru kerana beliau mempunyai kelayakan Senior Cambridge dan diterima mengajar di Bukit

Zaharah Government English School pada tahun 1916 sebelum ditukarkan ke Johor Government English School yang sama tarafnya dengan Maktab Melayu Kuala Kangsar yang hanya mengajar anak Melayu golongan berada di Johor. Walaupun pada peringkat awalnya bidang pendidikan bukanlah minatnya yang utama kerana cita-citanya untuk menjadi guru, namun akhirnya beliau mendapat bidang ini sangat sebatи dengan jiwa kerana keinginannya untuk mendidik dan menunaikan tanggungjawabnya terhadap anak bangsa. Di sini jelas menunjukkan pemikiran Za'ba bahawa pendidikan adalah bidang yang utama yang boleh menjadi platform untuk menanam semangat jati diri dalam kalangan murid-murid. Kerjayanya berkembang apabila beliau menjadi guru di Maktab Melayu Kuala Kangsar pada 1918 dan diamanahkan untuk mengajarkan Bahasa Melayu di samping menjadi penyelia bagi pelajaran bahasa Melayu ketika itu. Penglibatan dalam bidang pendidikan seterusnya dapat dilihat seperti berikut:

- 1918: Kolej Melayu Kuala Kangsar
- 1923: Jabatan Pendidikan, Kuala Lumpur
- 1924: Kolej Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim
- 1939: Jabatan Maklumat, Singapura sehingga 1942
- 1942: Pusat Pengajian Kajian Timur dan Afrika, Universiti London sehingga 1951
- 1954: Universiti Malaya, Singapura sehingga 1959.

Kecintaannya terhadap bidang pendidikan ini diteruskan lagi apabila beliau bertugas di Sultan Idris Training College (SITC) dan di sinilah beliau banyak menulis untuk menyampaikan idea dan buah fikirannya terhadap bangsa Melayu dan pelbagai kritikan yang disampaikan dalam akhbar seperti Lembaga Melayu dan Utusan Melayu. Jadi medium yang paling mudah untuk menyampaikan gagasan pemikirannya adalah melalui akhbar dan majalah dengan cara menulis pelbagai rencana dan sajak yang berkisarkan keadaan semasa penduduk Tanah Melayu agar bangkit dari lena dan memajukan diri sendiri agar tidak terus tertandas di bumi sendiri. Pemikiran Za'ba dalam bidang pendidikan inilah nanti menjadi titik tolak beberapa kejayaan yang dapat dicapai oleh orang Melayu selepas itu.

### Usaha-usaha Za'ba dalam bidang pendidikan

Pendidikan adalah platform terbaik untuk menyedarkan masyarakat. Pendidikan merupakan

cara terbaik untuk mengubah nasib anak bangsa Melayu pada masa itu kerana pendidikan ialah ilmu pengetahuan yang merupakan asas terpenting untuk menyelamatkan masyarakat Melayu daripada belenggu kemunduran walau apa lapangan sekalipun (Adnan Nawang 1994). Jelas sekali pemikiran Za'ba masih relevan sehingga ke hari ini walaupun pemikirannya pada masa itu adalah untuk menyedarkan orang Melayu akan pentingnya ilmu pengetahuan agar tidak ditindas oleh golongan kolonial pada masa itu, tetapi kita harus melihat konteks pemikirannya sehingga ke hari ini. Pendidikan juga menurut Za'ba adalah agen perubahan sosial yang amat penting dan konsep pendidikan itu harus berteraskan identiti terpenting bangsa Melayu sendiri iaitu agama Islam. Jadi Za'ba melihat bahawa tidak harus ada benteng yang memisahkan 'pelajaran dunia' dan 'pelajaran agama' dan pembawaannya mestilah betul dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

Usaha Za'ba untuk memartabatkan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu bermula dengan idea penubuhan institusi pendidikan yang menggabungkan kedua-dua pelajaran itu walaupun hasilnya bukan dapat dilihat dalam jangka masa yang singkat iaitu hanya terjadi pada sekitar tahun 1947, namun idea pemikirannya ini berjaya meningkatkan martabat pendidikan orang Melayu khususnya terhadap bahasa Melayu juga. Penubuhan Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya pada 1947 bertujuan untuk membantu perkembangan bahasa Melayu, mengumpul bahan kesusastraan Melayu dan membaiki sistem pengajaran bahasa Melayu di sekolah Inggeris (Noor Aziera et.al. 2011).

Za'ba begitu kritis melihat pendidikan orang Melayu yang sangat daif pada pandangannya. Za'ba mempunyai asas untuk berkata demikian kerana pada pandangannya pelajaran di Tanah Melayu pada masa itu khususnya di sekolah-sekolah Melayu hanya menekankan aspek mengetahui bahasa; dan tahu menulis serta membaca sahaja (Adnan Hj Nawang 1994). Sedangkan pada pemikiran Za'ba memberi pelajaran bukan sekadar tahu membaca dan menulis malah harus mengutamakan aspek kemahiran dan skopnya harus lebih luas agar anak-anak Melayu berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini merupakan pemikiran Za'ba yang sangat proaktif kerana dasar pendidikan yang baik dan sempurna dapat melahirkan generasi yang berwawasan dan memajukan negara hasil daripada pendidikan yang sempurna. Kesannya, setelah merdeka pelbagai aliran sekolah yang berteraskan aliran agama, akademik dan kemahiran ditubuhkan

untuk mendidik anak bangsa seterusnya jati diri sebagai warga Malaysia yang cemerlang dapat dilahirkan.

### **Pembinaan jati diri dalam pendidikan**

Bidang pendidikan inilah sebenarnya adalah landasan terbaik Za'ba untuk menyalurkan idea dan gagasan pemikirannya sebagai warisan kepada generasi akan datang. Pembinaan jati diri orang Melayu haruslah bertitik tolak daripada kecemerlangan dalam bidang pendidikan bahkan dalam Islam, penekanan kepada ketinggian ilmu pengetahuan amat dititikberatkan. Oleh itu, kecemerlangan dalam ilmu dunia dan ukhrawi seharusnya dimiliki oleh semua orang Melayu khususnya orang Islam. Pemikiran Za'ba dalam bidang ini amat ketara kerana melihat bangsa yang tidak berpendidikan mudah ditindas oleh bangsa lain walaupun di tanah air sendiri. Za'ba tidak sekadar berteori, ditambah pula dengan pendidikan yang diterimanya iaitu pendidikan Inggeris dan agama telah mengubah paradigma Za'ba terhadap nasib anak bangsa untuk jangka masa panjang.

Pemikiran Za'ba terhadap kepentingan ilmu diungkapkan oleh Za'ba dalam Syair Kelebihan Ilmu yang antara lain menekankan akan kepentingan ilmu dalam kehidupan manusia. Pemikirannya ini sebenarnya membawa pelbagai dimensi yang boleh diterjemahkan oleh mereka yang benar-benar faham akan tujuan setiap pandangan itu diutarakan. Bahkan dalam Islam sendiri mewajibkan setiap muslim sama ada lelaki atau perempuan menuntut ilmu. Pandangan Za'ba ini sebenarnya sangat selari dalam Islam. Bahkan hanya dengan ilmu sahaja, tamadun dan peradaban manusia dapat dicipta. Oleh itu, jati diri sesuatu bangsa yang unggul bukan dapat dicipta dalam tempoh masa yang singkat. Kesan daripada didikan dalam pelbagai aliran telah menjadikan Za'ba seorang pemikir yang berfikir di luar kotaknya pada ketika itu. Pemikiran Za'ba sebenarnya amat progresif khususnya dalam bidang pendidikan kerana hanya dengan kecemerlangan dalam bidang ini sahaja akan menjadikan sesuatu bangsa itu maju dan dihormati.

### **KESIMPULAN**

Pemikiran Za'ba adalah suatu pemikiran yang sangat ideal walaupun ada masanya idea dan pemikirannya itu tidak terjangkau oleh penilaian masyarakat Melayu pada masa itu. Ideanya itu sebenarnya melangkaui masanya dan perkara itu sukar diterima oleh

masyarakat Melayu khususnya pada masa itu. Pemikirannya itu memberi seribu satu makna yang amat mendalam untuk ditafsirkan oleh sebilangan masyarakat yang cerdik sehingga ke hari ini. Pemikiran Za'ba terlalu proaktif sehingga tidak dapat diterima oleh sebilangan masyarakat yang masih berfikiran konservatif seperti mana yang dikatakan oleh Za'ba iaitu miskin dari segi ilmu pengetahuan. Walaupun agak pedih untuk diterima, hakikatnya perkara ini juga masih berlaku walaupun pada zaman moden ini. Pembinaan jati diri harus bertitik tolak daripada perubahan sikap. Perkara ini yang amat ditekankan oleh Za'ba iaitu perubahan sikap dalam bidang agama, pendidikan, bahasa, ekonomi dan juga cara hidup. Sekiranya kita seolah-olah sudah selesa dengan apa yang kita miliki, perubahan sikap tidak akan berlaku.

Za'ba mempunyai kerangka perjuangan dan pemikiran yang jelas dalam membentuk jati diri Melayu dalam kalangan masyarakat. Beliau tidak memisahkan antara agama dan keduniaan. Walaupun kerangka pemikirannya itu sukar difahami, namun pemikirannya itu menjadi batu asas dalam perjuangan membentuk jati diri orang Melayu selepas itu dan seterusnya sehingga kemerdekaan bahkan tidak keterlaluan dikatakan masih lagi relevan diguna pakai sehingga ke hari ini. Segala idea dan pemikiran dalam membina jati diri orang Melayu pada masa itu yang dianggapnya lemah kerana faktor penjajahan, persekitaran dan pemerintahan feudal itu, disampaikan dengan jelas dan nyata melalui medium bercetak iaitu akhbar dan majalah. Tulisannya pasti menggambarkan perhatian daripada pelbagai pihak khususnya British sendiri pada masa itu. Namun, apa yang pasti adalah tujuannya untuk membela maruah dan jati diri orang Melayu yang terpinggir di bumi sendiri, terpinggir dari arus kemajuan sama ada aspek rohani atau jasmaninya (Adnan Hj Nawang 2007).

Za'ba disifatkan seorang tokoh yang sangat rasional dari segi pemikiran dan kelantangannya mengkritik masalah yang membengkak masyarakat Melayu harus dilihat dari sudut positif dan sesuai pada masa itu dan masih relevan sehingga kini. Beliau dilihat agak terbuka, positif, tegas dan ketokohnanya amat dikagumi khususnya jua dalam bidang agama. Pemikirannya ini sebenarnya hampir sama dengan negarawan ulung Malaysia sekarang iaitu mantan Perdana Menteri yang ke-4 iaitu Tun Dr. Mahathir b. Muhammad. Apa-apapun pandangannya adalah untuk melihat orang Melayu *duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa lain yang terdahulu maju ke hadapan*. Pemikiran Za'ba ini

menepati takrifan seperti yang dinyatakan oleh Dewey kerana memberikan pandangan tentang permasalahan masyarakat dan cara menyelesaikan dan mengatasinya. Hanya perubahan sikap dari negatif kepada positif sahaja mampu mengubah paradigma masyarakat untuk menjadi bangsa yang berjaya dan berwawasan. Konsep jati diri itu amat luas dan harus dipupuk dan disemai agar tidak layu ditelan zaman. Pemikiran Za'ba untuk membentuk jati diri Melayu unggul itu harus difahami sedalam-dalamnya.

## RUJUKAN

- Adnan Hj Nawang. 1994. *Za'ba : Patriotik dan Pendeta Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.
- Adnan Hj Nawang. 2007. *Za'ba dan Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 2000. *Kursus Berfikir Untuk Kolej dan Universiti*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmah Hj Omar. 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. 1995. Pemikiran dan sikap Za'ba terhadap Bangsa Melayu. *Jebat* 25: 107-221.
- Nik Rosila Nik Yaacob. 2009. *Pembinaan Identiti Diri Bangsa Melayu : Dari Perspektif Psikososial*. dimuat turun dari [www.eprints.usm.my/11353](http://www.eprints.usm.my/11353)
- Noor Aziera Mohamad Rohana et al. 2011. Penglibatan Za'ba dalam bidang pendidikan dan perguruan.– *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara*. hal. 351-356.
- Wan Zailan Kamarudin Wan Ali. 2009. *Pendeta Za'ba : Pemikirannya Mengenai Islam dan Melayu*. dimuat turun dari [www.eprints.um.edu.my/3618/1](http://www.eprints.um.edu.my/3618/1)
- Zainal Abidin Ahmad. 1982. *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Zamrah Isa  
Pelajar Sarjana  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
2129, Taman Cemara  
72100, Bahau, N.Sembilan, MALAYSIA.  
E-mail: sinarcemara@gmail.com

Che Ibrahim Hj Salleh, Ph.D.  
Prof Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: Ibrahim@fbmk.upm.edu.my

